

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

## Bilangan 04 Tahun 2022

### PEKELILING KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA DAN LIABILITI OLEH STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DI BAWAH PERATURAN 9 DAN 12, JADUAL KEDUA AKTA BADAN- BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kewajipan staf Universiti Teknologi MARA untuk membuat perisytiharan harta dan liabiliti.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] memperuntukkan bahawa seorang staf hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Ketua Jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.
- 2.2 Majlis Eksekutif Universiti Bil. 04/2022 pada 9 Februari 2022 mengambil maklum kewajipan staf untuk membuat perisytiharan harta dan liabiliti di bawah peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

#### 3.0 TAFSIRAN

**Bagi maksud Pekeliling ini,**

- 3.1 "Staf" ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh universiti dan dibayar emolumen termasuklah pegawai yang

dipinjamkan ke agensi luar yang diberi akses kepada sistem HR2U bagi tujuan perisytiharan harta dan liabiliti.

### 3.2 “Anak” ertinya:

3.2.1 anak yang di bawah umur lapan belas tahun bagi seseorang staf, termasuk:

- (i) anak yang lahir selepas kematian, anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf staf itu;
- (ii) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh staf itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan

3.2.2 anak, tidak kira apa jua umurnya, yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri.

3.3 “Harta” termasuklah apa-apa harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang staf itu dikehendaki dari semasa ke semasa untuk mengisytiharkannya iaitu harta yang diperolehi staf melalui pembelian, pemberian, pewarisan atau cara lain termasuk harta yang diperolehi atau dipegang oleh isteri atau suami atau anak staf itu.

3.3.1 Maksud “harta tak alih” ialah:

- (i) tanah, termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara;
- (ii) segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium;
- (iii) bangunan, termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung.

3.3.2 Maksud “harta alih” ialah:

- (i) apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan yang mana jumlahnya melebihi 6 bulan emolumen;
- (ii) saham, debentur, bon atau sekuriti lain;

- (iii) apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;
  - (iv) apa-apa jenis kenderaan bermotor;
  - (v) apa-apa harta alih lain termasuklah barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan, yang harga belian tiaptiap satunya melebihi 6 bulan emolumen atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih rendah.
- 3.4 "Ketua Jabatan" ertinya seorang staf yang telah ditetapkan peranan sebagai Ketua Pusat Tanggungjawab bagi menyemak dan mengesahkan perisytiharan harta dan liabiliti staf di dalam sistem HR2U.
- 3.5 "HR2U" adalah Sistem Pengurusan Sumber Manusia yang telah dibangunkan untuk pemakaian oleh staf UiTM untuk memenuhi keperluan sistem Pengurusan Sumber Manusia yang efektif dan efisien.

#### 4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Semua staf hendaklah mengisytiharkan harta dan liabiliti yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya:
- 4.1.1 dalam tempoh 30 hari dilantik dalam perkhidmatan;
  - 4.1.2 pada bila-bila masa dikehendaki oleh universiti;
  - 4.1.3 dalam tempoh 30 hari apabila memperolehi harta baharu/pertambahan harta;
  - 4.1.4 dalam tempoh 30 hari apabila melupuskan harta;
  - 4.1.5 sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun:
    - (a) dari tarikh terakhir perisytiharan harta dan liabiliti yang telah dibuat bagi staf yang tiada perubahan harta; atau
    - (b) dari tarikh terakhir perisytiharan pertambahan harta baharu yang telah dibuat; atau
    - (c) dari tarikh terakhir perisytiharan pelupusan harta yang telah dibuat.

4.2 Perisytiharan harta dan liabiliti, pertambahan harta baharu dan pelupusan harta serta perisytiharan tiada perubahan harta hendaklah dilaksanakan mengikut ketetapan semasa seperti yang ditentukan oleh pihak Universiti.

#### **5.0 TINDAKAN TATATERTIB**

Prosiding tatatertib boleh dimulakan kepada staf yang didapati gagal mengisytiharkan harta dan liabiliti mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **6.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 Februari 2022.


#### **7.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa 17 Februari 2022.

#### **8.0 PEMAKAIAN**

8.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.

8.2 Pekeliling ini membatalkan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 9 Tahun 2014.



**PROFESOR DATUK Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-Uint. (6/2)  
No Siri : 100-UiTM(NC 6/2) 04/2022*